

**Kerajaan P.Pinang Perlu Adil Terhadap Semua Pemaju – Gerakan Bernama  
1 Ogos, 2012**

GEORGE TOWN, 1 Ogos (Bernama) -- Biro Kerajaan Tempatan Gerakan Pulau Pinang mahu kerajaan negeri bersikap adil dan saksama terhadap semua pemaju dan tidak berpihak kepada pemaju tertentu dalam memberi kelulusan perancangan projek.

Pengerusinya Teh Leong Meng berkata kerajaan negeri telah menolak permohonan satu pemaju untuk pembinaan 22 tingkat apartmen 142 unit di Sungai Ara, tetapi meluluskan cadangan pemaju lain untuk projek 14 blok kondominium di lokasi yang sama.

"Jikalau projek 22 tingkat apartmen ditolak, maka projek 14 blok kondominium harus ditolak juga. Kami tidak menyokong pendirian dasar diskriminasi yang membezakan pemaju," katanya kepada pemberita di sini Rabu.

Teh berkata permohonan pemaju untuk 22 tingkat apartmen itu ditolak pada 19 Jun tahun ini kerana cadangan itu bercanggah dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang diwartakan pada 28 Jun 2007.

Cadangan itu ditolak kerana projek berkenaan berada pada aras 76 meter dengan kecerunan melebihi 25 darjah serta lokasi itu sensitif kepada bencana alam atau tanah runtuh boleh berlaku jika diganggu oleh pembangunan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684785>





